



NEGERI SABAH

JPAN:700-1/1/7 (98)

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL.5/2021

PENAMBAHBAIKAN FAEDAH PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan penambahbaikan ke atas pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan kepada pegawai perkhidmatan awam yang dibersarakan atas sebab kesihatan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2021 (Persekutuan).

LATAR BELAKANG

2. Ketua Jabatan mengenal pasti bahawa seseorang pegawai tidak dapat melaksanakan tugas-tugas hakiki atas sebab menghidap penyakit yang menjadi punca kelemahan akal atau anggota badannya dan telah diperakukan oleh Lembaga Perubatan mengikut lunas-lunas Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.10/2019 dan Peraturan 314 – 316, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, boleh dibersarakan atas sebab kesihatan menurut perenggan 10(5) (a) Akta Pencen 1980 [Akta 227] atau perenggan 10(5)(a) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239] dengan berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 10 Tahun 1995.

“SABAH MAJU JAYA”

Peruntukan di bawah Akta 227 dan Akta 239 digunakan bagi seseorang pegawai lantikan tetap yang telah disahkan dalam jawatannya, sama ada pegawai memilih Skim Pencen atau Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

3. Pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan akan terus dibayar pencen perkhidmatan, selain ganjaran perkhidmatan dan award wang tunai gantian cuti rehat, setelah tarikh persaraan berkuat kuasa.

FAEDAH PERSARAAN

4. Pengiraan faedah persaraan bagi pegawai berpencen yang dibersarakan atas sebab kesihatan adalah tertakluk kepada peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pencen 1980 [*P.U.(A) 176/1980*] atau peraturan 3 Peraturan-Peraturan Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990 [*P.U. (A) 134/1990*], mengikut mana-mana yang berkenaan. Pengiraan faedah persaraan untuk pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan sebelum atau pada 31 Disember 2017 adalah mengikut tempoh perkhidmatan sebenar pegawai. Amaun pencen perkhidmatan yang kena dibayar hendaklah tidak kurang daripada satu per lima (1/5) dan terhad kepada maksimum tiga per lima (3/5) daripada gaji akhir pegawai.

5. Mulai 01 Januari 2018 penambahan tempoh perkhidmatan faedah persaraan bagi pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan yang memberi implikasi kepada pengiraan pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan seperti Jadual berikut:

“SABAH MAJU JAYA”

Jadual :

**Tempoh Perkhidmatan Bagi Pengiraan Pencen Perkhidmatan Dan
Ganjaran Perkhidmatan Bagi Persaraan Atas Sebab Kesihatan Mulai
01 Januari 2018**

Kategori	Tempoh Perkhidmatan Sebenar (TPS)	Tempoh Perkhidmatan Secara Isyarat	
		Pencen	Ganjaran
1	119 bulan dan kurang	240 bulan	TPS + 120 bulan
2	120-240 bulan	TPS + 120 bulan	TPS + 120 bulan
3	241 -359 bulan	360 bulan	360 bulan
4	360 bulan dan lebih	360 bulan ¹	TPS

Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran 1 hingga Lampiran 4.**

**PELANTIKAN SEMULA PEGAWAI YANG TELAH DIBERSARAKAN ATAS
SEBAB KESIHATAN**

6. Selaras dengan Bahagain II, Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan, Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 membenarkan bekas pegawai dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam.

7. Pegawai yang dilantik semula secara tetap ke dalam perkhidmatan awam, dianggap telah melepaskan keistimewaan pemberian faedah persaraan yang telah diterimanya mengikut Bahagain II, Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan, Peraturan 8 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.

8. Bagi pegawai yang dilantik semula sebagai pegawai tetap dalam perkhidmatan awam, atau dilantik semula sebagai pekerja tetap dalam

¹ Pengiraan pencen perkhidmatan perkhidmatan bagi pegawai yang mempunyai tempoh perkhidmatan 360 bulan dan lebih adalah tertakluk kepada pengiraan pencen maksimum iaitu 60% daripada gaji akhir yang diterima.

perkhidmatan pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan, pencen yang diterimanya akan digantung menurut Seksyen 23, Akta 227 atau Seksyen 26, Akta 239, mengikut mana-mana yang berkenaan.

9. Pihak Berkuasa Melantik atau Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia berhubung dengan pelantikan semula secara tetap seseorang yang pernah dibersarakan atas sebab kesihatan.

TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 01 Januari 2018.


PEMAKAIAN

11. Semua Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini.

PENGECUALIAN

12. Pekeliling Perkhidmatan ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan di bawah perenggan 10(5)(a) Akta 227 atau perenggan 10(5)(a) Akta 239 sebelum 01 Januari 2018.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: **20 APR 2021**

“SABAH MAJU JAYA”

Kategori 1: Contoh Pengiraan Pencen Perkhidmatan Dan Ganjaran Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Dibersarakan Atas Sebab Kesihatan Yang Mempunyai Tempoh Perkhidmatan Sebenar 119 Bulan dan Kurang

Tempoh Perkhidmatan	Gaji Akhir (GA)	: RM1,704.83
	TP Sebenar (TPS)	: 102 bulan
	TP Secara Isyarat (TPSI)	: Pencen : 240 bulan
		: Ganjaran : 222 bulan (102 bulan + 120 bulan)
Pencen		: $1/600 \times \text{GA} \times \text{TPS}$ (tertakluk 1/5 daripada gaji akhir untuk persaraan atas sebab kesihatan bagi perkhidmatan kurang 120 bulan)
	Pencen Sebenar	: $1/5 \times \text{RM1,704.83}$
		: RM340.96
		: $1/600 \times \text{GA} \times \text{TPSI}$
Ganjaran	Pencen Baharu	: $1/600 \times \text{RM1,704.83} \times \text{240 bulan}$
		: RM681.93
		: $7.5\% \times \text{GA} \times \text{TPS}$
	Ganjaran Sebenar	: $7.5\% \times \text{RM1,704.83} \times \text{102 bulan}$
		: RM13,041.94
		: $7.5\% \times \text{GA} \times \text{TPSI}$
	Ganjaran Baharu	: $7.5\% \times \text{RM1,704.83} \times \text{222 bulan}$
		: RM28,385.42

Kategori 1: Contoh Pengiraan Pencen Perkhidmatan Dan Ganjaran Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Dibersarakan Atas Sebab Kesihatan Yang Mempunyai Tempoh Perkhidmatan Sebenar 120 Bulan Hingga 240 Bulan

Tempoh Perkhidmatan	Gaji Akhir (GA)	: RM3,290.93
	TP Sebenar (TPS)	: 135 bulan
	TP Secara Isyarat	: Pencen : 255 bulan (135 bulan + 120 bulan)
	(TPSI)	: Ganjaran : 255 bulan (135 bulan + 120 bulan)
Pencen		: $1/600 \times GA \times TPS$
	Pencen Sebenar	: $1/600 \text{ RM3,290.93} \times 135 \text{ bulan}$
		: RM740.45
		: $1/600 \times GA \times TPSI$
Ganjaran	Pencen Baharu	: $1/600 \times \text{RM3,290.93} \times 255 \text{ bulan}$
		: RM1,398.65
		: $7.5\% \times GA \times TPS$
	Ganjaran Sebenar	: $7.5\% \times \text{RM3,290.93} \times 135 \text{ bulan}$
		: RM33,320.66
		: $7.5\% \times GA \times TPSI$
	Ganjaran Baharu	: $7.5\% \times \text{RM3,290.93} \times 255 \text{ bulan}$
		: RM62,939.04

Kategori 1: Contoh Pengiraan Pencen Perkhidmatan Dan Ganjaran Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Dibersarakan Atas Sebab Kesihatan Yang Mempunyai Tempoh Perkhidmatan Sebenar 241 Bulan Hingga 359 Bulan

Tempoh Perkhidmatan	Gaji Akhir (GA)	: RM2,203.56
	TP Sebenar (TPS)	: 255 bulan
	TP Secara Isyarat (TPSI)	: Pencen : 360 bulan
		: Ganjaran : 360 bulan
Pencen		: $1/600 \times \text{GA} \times \text{TPS}$
	Pencen Sebenar	: $1/600 \text{ RM2,203.56} \times \text{255 bulan}$
		: RM936.51
	Pencen Baharu	: $3/5 \times \text{RM2,203.56}$
Ganjaran		: RM1,322.14
		: $7.5\% \times \text{GA} \times \text{TPS}$
	Ganjaran Sebenar	: $7.5\% \times \text{RM2,203.56} \times \text{255 bulan}$
		: RM42,143.08
		: $7.5\% \times \text{GA} \times \text{TPSI}$
	Ganjaran Baharu	: $7.5\% \times \text{RM2,203.56} \times \text{360 bulan}$
		: RM59,496.12

Kategori 1: Contoh Pengiraan Pencen Perkhidmatan Dan Ganjaran Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Dibersarakan Atas Sebab Kesihatan Yang Mempunyai Tempoh Perkhidmatan Sebenar 360 Bulan Dan Lebih

Tempoh Perkhidmatan	Gaji Akhir (GA)	: RM5,440.60
	TP Sebenar (TPS)	: 386 bulan
	TP Secara Isyarat	: Pencen : 360 bulan
	(TPSI)	: Ganjaran : TPS
Pencen	Pencen Sebenar	: $3/5 \times GA$
		: $3/5 \times RM5,440.60$
		: RM3,264.36
	Pencen Baharu	: $3/5 \times RM5,440.60$
Ganjaran		: RM3,264.36
	Ganjaran Sebenar	: $7.5\% \times GA \times TPS$
		: $7.5\% \times RM5,440.60 \times 386 \text{ bulan}$
		: RM157,505.37
	Ganjaran Baharu	: $7.5\% \times GA \times TPS$
		: $7.5\% \times RM5,440.60 \times 386 \text{ bulan}$
		: RM157,505.37